

HIKMAH PENSYARIATAN SOLAT

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يُضِلَّهُ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ،

فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، وَأَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

Marilah kita bersama-sama bertaqwa kepada Allah Subhanahu wa Taala dengan melaksanakan segala perintah dan seruan-Nya serta meninggalkan segala larangan-Nya Mudah-mudahan kita akan mendapat reda Allah Subhanahu wa Taala di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Taala

Kita sedia maklum bahawa, setiap kali datangnya bulan Rejab umat Islam akan memperingati peristiwa Israk dan Mikraj. Para ulama telah bersepakat bahawa peristiwa agung ini berlaku dengan roh dan jasad, dalam keadaan Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam sedar dan bukannya bermimpi.

Peristiwa Israk dan Mikraj ini mempunyai hubung kait dengan perintah menunaikan ibadah solat. Solat merupakan ibadah yang utama kerana ia difardhukan secara terus oleh Allah Subhanahu wa-Taala bukannya melalui perantaraan malaikat Jibril seperti perintah menunaikan ibadah puasa, zakat, haji dan lain-lain. Pada mulanya difardhukan solat sebanyak 50 waktu sehari semalam dan akhirnya dikurangkan menjadi 5 waktu seperti yang kita laksanakan pada hari ini tanpa mengurangkan pahala 50 waktu tersebut.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Taala,

Antara hikmah disyariatkan ibadah solat ialah;

Sebagai lambang ketaatan seorang hamba kepada Tuhannya. Firman Allah Subhanahu wa-Taala dalam surah Taha ayat 14;

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

إِنِّي أَنَا اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنَا فَاعْبُدْنِي وَأَقِمِ الصَّلَاةَ لِذِكْرِي ﴿١٤﴾

Yang bermaksud: *Sesungguhnya Akulah Allah, tiada Tuhan melainkan Aku, oleh itu, sembahlah Aku, dan dirikanlah solat untuk mengingati-Ku.*

Dengan kesedaran sebagai seorang hamba akan membuatkan seseorang itu sentiasa mematuhi perintah Tuhannya dan menjauhkan dirinya daripada melakukan perkara yang dilarang oleh agama. Malah solat yang dilaksanakan secara sempurna dan istiqamah mampu mencegah seseorang itu daripada melakukan perkara yang keji dan mungkar. Firman Allah Subhanahu wa-Taala dalam surah al-Ankabut ayat 45:

وَأَقِمِ الصَّلَاةَ إِنَّ الصَّلَاةَ تَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ ﴿٤٥﴾

Yang bermaksud: *...dan dirikanlah solat. Sesungguhnya solat itu mencegah daripada perbuatan keji dan mungkar. Sesungguhnya mengingati Allah adalah lebih besar (faedahnya dan kesannya). (Ingatlah) Allah mengetahui akan apa yang kamu kerjakan.*

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Taala

Pensyariatan solat juga mengajar kita akan pentingnya kebersihan dalam kehidupan. Kebersihan zahiriyah yang melibatkan tubuh badan, pakaian dan tempat solat menjadi syarat sahnya solat. Manakala kebersihan batiniyah yang memerlukan niat

yang ikhlas dan hati yang khusyuk ketika menunaikannya menjadi penentu sama ada ia diterima atau sebaliknya. Kebersihan adalah satu cabang daripada cabang keimanan. Sabda Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim:

الطُّهُورُ شَطْرُ الْإِيمَانِ

Yang bermaksud: *Kebersihan itu adalah cabang iman.*

Solat juga menjadi cahaya dan penyelamat pada hari kiamat bagi orang yang sentiasa memeliharanya. Sabda Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad:

مَنْ حَافِظَ عَلَيْهَا كَانَتْ لَهُ نُورًا وَبُرْهَانًا وَنَجَاتٌ يَوْمَ الْقِيَامَةِ

Yang bermaksud: *Barangsiapa yang menjaganya (solat fardhu) maka dia akan memperolehi cahaya dan bukti serta keselamatan pada hari kiamat.*

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Taala,

Kesan positif daripada ibadah solat juga tidak hanya terhad kepada individu muslim sahaja, malah solat juga dapat dimanfaatkan oleh sesebuah masyarakat bagi memperkukuhkan ukhuwah dalam kalangan masyarakat setempat. Di samping itu solat yang dilakukan secara berjemaah dijanjikan pahala yang berganda. Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam melalui hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari dan Muslim:

صَلَاةُ الْجَمَاعَةِ أَفْضَلُ مِنْ صَلَاةِ الْفَدِّ بِسَبْعٍ وَعِشْرِينَ دَرَجَةً

Yang bermaksud: *Solat berjemaah itu lebih baik (balasan pahalanya) daripada solat bersendirian dengan dua puluh tujuh darjat.*

Solat juga mendidik kita agar menghargai masa. Laungan azan yang biasanya dikumandangkan lima kali sehari pada setiap waktu solat fardhu seolah-olah mengingatkan bahawa perlunya kita menguruskan masa dengan sebaik-baiknya. Maka sebagai seorang yang beriman kita berkewajipan membahagikan masa untuk beribadah, bekerja, berehat, bersukan, bersama keluarga, rakan-rakan, jiran tetangga dan masyarakat. Sikap sebegini akan menjadikan orang yang beriman sentiasa terlatih untuk mendisiplinkan waktu dalam kehidupan mereka. Firman Allah Subhanahu wa-Taala dalam surah al-Nisa' ayat 103:

فَأَقِمْوُا الصَّلَاةَ إِنَّ الصَّلَاةَ كَانَتْ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ كِتَابًا مَّوْقُوتًا ﴿١٠٣﴾

Yang bermaksud: *Maka dirikanlah solat itu (dengan sempurna seperti biasa). Sesungguhnya solat itu adalah satu ketetapan yang diwajibkan yang tertentu waktunya kepada orang yang beriman.*

Seseorang yang menjaga solat, jiwanya akan sentiasa tenteram dan damai. Firman Allah Subhanahu wa-Taala dalam surah al-Ma'arij ayat 19 hingga 23:

إِنَّ الْإِنْسَانَ خُلِقَ هَلُوعًا ﴿١٩﴾ إِذَا مَسَّهُ الشَّرُّ جَزُوعًا ﴿٢٠﴾ وَإِذَا مَسَّهُ الْخَيْرُ مَنُوعًا ﴿٢١﴾
إِلَّا الْمُصَلِّينَ ﴿٢٢﴾ الَّذِينَ هُمْ عَلَى صَلَاتِهِمْ دَائِمُونَ ﴿٢٣﴾

Yang bermaksud: *Sesungguhnya manusia itu dijadikan bertabiat resah gelisah (lagi bakhil kedekut). Apabila dia ditimpa kesusahan, dia sangat resah gelisah. Dan apabila dia beroleh kesenangan, dia sangat bakhil. Kecuali orang yang mengerjakan solat. Iaitu mereka yang tetap mengerjakan solat mereka.*

Oleh itu marilah kita mendirikan solat dengan penuh tekun, sabar dan bersungguh-sungguh dengan hati yang khusyuk semata-mata kerana Allah Subhanahu wa-Taala. Marilah kita melaksanakannya secara berjemaah di surau dan masjid. Ajaklah ahli keluarga, sanak saudara serta jiran tetangga untuk sama-sama melakukannya agar

kita mampu menjadikan solat sebagai penolong bagi kita di dunia dan akhirat nanti. Renungilah firman Allah Subhanahu wa-Taala dalam surah al-Baqarah ayat 45:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
وَاسْتَعِينُوا بِالصَّبْرِ وَالصَّلَاةِ إِنَّهَا كَبِيرَةٌ إِلَّا عَلَى الْخَاشِعِينَ ﴿٤٥﴾

Yang bermaksud: *Dan mintalah pertolongan (kepada Allah) dengan jalan bersabar dan mengerjakan solat. Sesungguhnya solat itu amatlah berat kecuali bagi orang yang khusyu'.*

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَتَفَعَّلِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي
وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.